

01 OCT 2002

India-Penerbangan/I

ANDHRA PRADESH HARAPKAN PENERBANGAN HARIAN KL-HYDERABAD

Oleh: D. Arul Rajoo

HYDERABAD, 1 Okt (Bernama) -- Kerajaan Andhra Pradesh ingin melihat wujudnya penerbangan harian antara Kuala Lumpur dan Hyderabad bagi meningkatkan kegiatan pelaburan, perniagaan dan pelancongan antara kedua-dua bandar raya itu.

Ketua Menteri Andhra Pradesh, Chandrababu Naidu, berkata penerbangan dua kali seminggu sekarang tidak mampu menampung permintaan kerana Hyderabad semakin berkembang sebagai sebuah bandar raya teknologi maklumat antarabangsa.

"Kira-kira tiga jam diperlukan untuk ke Malaysia dan dua jam untuk ke New Delhi. Hasil daripada IT, dunia menjadi semakin kecil," kata Chandrababu semasa dikunjungi Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali di sini hari ini.

Tajol Rosli mengetuai misi perdagangan dari Perak yang turut disertai Anggota Exco Kerajaan Negeri Datuk G. Rajoo, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Dr Ishak Yeop dan beberapa anggota Dewan Undangan Negeri dalam lawatan ke Karnataka, Andhra dan Tamil Nadu.

Chandrababu berkata ledakan IT di India telah mewujudkan banyak anggota kelas menengah di negeri itu yang sanggup berbelanja untuk tujuan riadah termasuk melancong ke seberang laut.

Pada pertemuan itu, Tajol Rosli memberitahu rakan sejawatannya bahawa sejak kejatuhan industri timah, Perak telah menerokai bidang pendidikan, pelancongan dan IT.

"India menduduki tempat kedua selepas Amerika Syarikat dalam bidang IT. Kami ingin mempromosikan Perak sebagai pusat IT dan berharap dapat menarik firma India," katanya.

Chandrababu berkata kedua-dua negeri boleh bekerjasama termasuk dalam bidang IT, ekonomi berasaskan pengetahuan dan pelancongan.

Beliau juga berkata dua syarikat Malaysia yang terlibat dalam pembinaan lebuhraya di Andhra Pradesh telah melaksanakan tugas mereka dengan amat baik.

Pada pertemuan itu, Chandrababu berkata kemajuan yang dicapai oleh Malaysia di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi ilham kepada Andhra Pradesh untuk menjadi antara pusat IT terkemuka di India.

Beliau berkata Dr Mahathir dijangka melawat syarikat pembekal rumusan IT keempat terbesar India, Satyam Computer Services Ltd di sini, pada 16 Okt.

-- BERNAMA

AR AHH SP MAI